

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[KUALA TERENGGANU]

**TARIKH** : 12 JUN 2014

**SOALAN** :

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kementerian berikutan kebakaran timbunan di tapak pelupusan sampah setinggi bangunan 3 tingkat di Kerteh, Terengganu yang terletak 250 meter berhadapan pusat pendidikan alam sekitar Ecocare Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), 300 meter dari Sekolah Kebangsaan Seri Gelugor dan sebelah Sungai Kerteh yang telah terbakar lebih dari 2 minggu pada bulan Mei 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius kejadian pembakaran terbuka yang kebelakangan ini kerap berlaku di tapak–tapak pelupusan sampah. Bagi kes pembakaran terbuka di tapak pelupusan di Kerteh, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Terengganu, telah mengeluarkan surat arahan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) sebagai pemilik tapak tersebut supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memadamkan pembakaran dan mencegah kebakaran dari terus merebak.

Jabatan Alam Sekitar juga sedang melengkapkan siasatan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Sek. 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.